



AT-TAQWA


Bil. (13) 2/2009 (Ogos 2009/Sya'ban 1430H)

التقوى

Web : www.muftiselangor.gov.my

e - mail : mufti_sel@selangor.gov.my

EDARAN PERCUMA




DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ
Telah Berkenan Menyempumakan Istiadat Meletak Tanda Arah Qiblat
Masjid Istana Diraja, Istana Alam Shah, Klang
Pada 6 Disember 2008 Bersamaan 8 Zulhijjah 1429H




Hukum
Bertatu ?

Muka Surat 5



Kisah Benar

Muka Surat 9



Konvensyen Falak
Selangor 2009

Muka Surat 16



Seminar Bulan
Kerohanian

Muka Surat 18



JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR

Sidang Redaksi

PENAUNG

Y.A.D. S.S. Dato' Setia Hj. Mohd Tamyes b. Abd Wahid
Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor

PENASIHAT

Y.Bhg. S.S. Dato' Hj. Abdul Majid b. Omar
Timbalan Mufti Selangor

KETUA PENGARANG

Us. Rizal Ramli
Pegawai Hal Ehwal Islam

PENOLONG PENGARANG

Cik Norlida bt. Abdullah

SIDANG PENGARANG

Us. Mohd Daruddin b. Hj. Taib @ Hasan
En. Abdul Razak b. Johar
Us. Sufiyan Hadi b. Sayuti
Us. Jaslan b. Ali

EDARAN

Pn. Rabiatal Adawiyah bt. Ramli
En. Khalid b. Ab. Hamid
Pn. Noor Elisa bt. Hamin
Cik Umi Sofia bt. Saad
Hj. Zazali b. Mohd Yunus
En. Amirudin b. Hamzah
En. Mohd Hanif b. Mohd Arip


**ZAKAT FITRAH
TAHUN 1430H/2009M**

RM7.00

Lembaga Zakat Selangor, MAIS merupakan institusi yang bertanggungjawab di dalam membuat kajian, penyelidikan dan perkiraan bagi menentukan kadar harga zakat fitrah setiap tahun untuk Negeri Selangor.

Oleh itu, kadar tersebut bagi tahun 1430H bersamaan tahun 2009M bagi Negeri Selangor Darul Ehsan adalah sebanyak **RM7.00 seorang** yang telah diperkenankan oleh D.Y.M.M. Sultan Selangor dan telah diwartakan.

Penentuan kadar tersebut adalah berdasarkan kepada harga semasa bagi beras Super Tempatan Gred A yang beratnya satu gantang Baghdad iaitu bersamaan 2.70 kilogram.





PENGANUGERAHAN PINGAT

Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke 63 Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, **Puan Noraliza bt. Mohamed Saad**, Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) N22 telah dianugerahkan Pingat Pekerti Terpilih (P.P.T.) pada 20 April 2009 (Isnin), di Dewan Jubli Perak, Shah Alam.



PEMERIKSAAN AUDIT NEGARA



Jabatan Audit Negara telah melakukan pengauditan yang merangkumi 6 aspek kawalan utama iaitu pengurusan, bajet, terimaan, perbelanjaan, pengurusan kumpulan wang amanah serta pengurusan aset dan inventori. Jabatan ini telah mendapat penarafan **3 bintang (baik)**.

PELAKSANAAN 'SURVEILLANCE AUDIT' SIRIM

Pada 6 – 7 Julai 2009, pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd. telah melaksanakan 'Surveillance Audit' diketuai oleh Puan Hawa bt. Ma'arof. Sebelum itu pada 27 - 30 April 2009, Audit Dalamannya telah dilaksanakan diketuai oleh Ustaz Rizal b. Ramli bersama 6 orang juruaudit.



ANUGERAH PENGURUSAN PEJABAT DAN PENTADBIRAN CEMERLANG (APPC) 2009

Pada 29 Julai 2009, Jabatan ini telah menerima Lawatan Pemeriksaan APPC Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor 2009. Pemeriksaan berdasarkan 7 kategori iaitu Pengurusan Organisasi, Kewangan, Sumber Manusia, Projek Pembangunan, ICT, Perkhidmatan Teras dan Pengurusan Pelanggan.


SENARAI PERTUKARAN DAN PENEMPATAN PEGAWAI

NAMA	JAWATAN	TARIKH	PENEMPATAN
 En. Mohd Jureime b. Mohd Kamar	Pen. Peg. Teknologi Maklumat (F29) (Kontrak)	2.5.2009	Bertukar ke Al-Madinah International University
 Ust. Nor Hani bt. Jaludin	Pen. Peg. Hal Ehwal Islam (S27) (Kontrak)	17.6.2009	Bahagian Penasihat Aqidah
 Ust. Nor Nazilah bt. Mohd Sani @ Thani	Pem. Hal Ehwal Islam (S17) (Sambilan)	18.6.2009	Perpustakaan Jab. Muffi Selangor
 En. Ahmad Azhar b. Ahmad Radzuan	Juruteknik Komputer (FT17) (Kontrak)	1.7.2009	Bertukar ke Jab. Pelajaran Selangor



ISU-ISU YANG DIPUTUSKAN OLEH MESYUARAT JAWATANKUASA FATWA NEGERI SELANGOR

BIL.	ISU	KEPUTUSAN
1.	Pelaksanaan Pengurusan dan Pelupusan Harta Luqatah yang disimpan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).	i. Setiap harta luqatah yang diterima hendaklah dilaksanakan proses hebahan selama satu (1) tahun. ii. Sekiranya telah tamat tempoh hebahan selama satu (1) tahun, maka bolehlah melupuskan harta luqatah tersebut secara lelong dan hasil daripada lelongan itu dimasukkan ke dalam Baitulmal. iii. Harta luqatah yang tidak mendatangkan manfaat hendaklah disimpan di tempat yang selamat. iv. Sekiranya harta luqatah tersebut sama ada masih kekal atau telah dilelong atau telah dicairkan, pemiliknya berhak menuntut walaupun telah tamat tempoh hebahan. Pihak MAIS hendaklah memulangkan semula sekiranya harta tersebut masih ada atau nilai barang (mengikut nilai semasa) jika telah dilelong atau dicairkan. v. Pemungut atau pemegang amanah harta luqatah harus mengenakan caj perkhidmatan yang munasabah kepada pemilik harta luqatah tersebut sekiranya pemilik hadir untuk memungut hartanya. vi. Harta luqatah tersebut harus diserahkan kepada Baitulmal sebagai pemegang amanah. Adalah menjadi kewajipan menyerah kepada Baitulmal apabila tiada individu atau agensi yang sanggup menjadi pemegang amanah. vii. Harta luqatah tersebut menjadi milik sepenuhnya kepada pemegang amanah atau pemungut untuk dimanfaatkan kepada perkara yang tidak bercanggah dengan syara' dan ada kemaslahatan kepada umat Islam.
2.	Pelaksanaan Penyaluran Wang Syubhah ke Baitulmal MAIS.	i. Wang syubhah yang diperolehi boleh dijadikan sumber Baitulmal dan harus dimasukkan ke dalam akaun Baitulmal. ii. Penggunaan wang syubhah harus untuk kegunaan menjalankan operasi perjalanan kerja di MAIS seperti pembinaan, penyelenggaraan bangunan, emolumen, pendidikan, pertanian, penyelidikan, perubatan, kemudahan asas seperti pembinaan dewan, tandas, jambatan dan lain-lain lagi untuk kegunaan umum.
3.	Penggantungan Kaligrafi Islam di Premis Bukan Islam.	i. Bagi menjaga kehormatan dan kemuliaan ayat-ayat suci al-Quran dan kalimah-kalimah suci agama Islam, perbuatan menggantung apa jua ayat-ayat suci al-Quran atau kalimah-kalimah suci agama Islam di premis-premis bukan Islam atau mana-mana tempat yang boleh mendedahkannya kepada penghinaan, penipuan atau penyalahgunaan adalah dilarang oleh Islam. ii. Penjualan dan penyimpanan kitab suci al-Quran di kedai-kedai yang dimiliki oleh orang bukan Islam adalah juga dilarang oleh Islam kerana ia boleh membawa kepada penghinaan ke atas kehormatan dan kesucian kitab suci tersebut.
4.	Hukum Wanita Menyerupai Lelaki (Pengkid).	Pengkid, iaitu wanita yang berpenampilan dan mempunyai gerak laku serta naluri seksual seperti lelaki adalah haram di sisi Islam kerana boleh menimbulkan kecelaruan dan dilaknat oleh Allah s.w.t.



Hukum Bertatu ?

PENDAHULUAN

Tatu adalah proses di mana pigmen warna dicacah ke dalam lapisan kulit yang dalam dipanggil *dermis*. Dengan reaksi pencacahan tatu menggunakan jarum, maka tindak balas badan menyebabkan pigmen tersebut diperangkap oleh sel-sel yang dipanggil *fibroblast* (sel parut) di kawasan *dermis* dan menjadi stabil dengan kulit. Perbuatan bertatu diamalkan di seluruh dunia antaranya oleh masyarakat Ainu di Jepun memakai tatu di muka. Orang-orang Polinesia, sesetengah suku di Filipina, Borneo, Afrika, Amerika, Eropah, China dan Kemboja turut memakai tatu.

Menurut Imam al-Nawawi dalam kitabnya ***al-Minhaj fi Sharh Sahih Muslim***, pengertian tatu ialah menusuk jarum atau seumpamanya di belakang tapak tangan, atau pergelangan tangan, atau bibir atau selain darinya daripada tubuh badan wanita, sehingga mengalir darah yang kemudian dimasukkan celak atau kapur pada tempat yang ditatu tersebut sehingga menjadi kehitaman.

Di antara sebab-sebab tatu ini dibuat adalah kerana hubungan spiritual dan agama, budaya, identifikasi / pengenalan, kecantikan, kosmetik serta perubatan.

HUJAH DAN DALIL

Hukum tatu adalah **jelas dilarang** dalam Islam. Ini berdasarkan kepada hadis Rasulullah s.a.w. :-

عن ابن عمر رضي الله عنهما أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال : " لعن الله الواصلة والمستوصلة والواشمة والمستوشمة " (رواه البخاري)

Bermaksud : Daripada Ibnu Umar R. Anhumah, sesungguhnya Rasulullah s.a.w. bersabda ; " Allah melaknat perempuan yang menyambung rambut dan minta disambungkan rambutnya, perempuan yang membuat tatu dan yang meminta dibuat tatu".

(Riwayat al-Bukhari)

Hadis kedua yang **melarang atau mengharamkan** penggunaan tatu ialah:-

عن ابن مسعود رضي الله عنه قال : " لعن الله الواشحات والمستوشحات، والمتفلجات للحسن، المغيرات خلق الله تعالى " (رواه البخاري)



Bermaksud : Dari Ibnu Mas'ud R.A berkata ; "Allah melaknat perempuan-perempuan yang membuat tatu dan yang meminta dibuat tatu pada badannya, perempuan yang minta dicukur alis bulu keningnya, dan perempuan yang menjarangkan giginya untuk kelihatan cantik iaitu perempuan-perempuan yang merubah ciptaan Allah".

(Riwayat al-Bukhari)

Hadis ketiga yang berkaitan dengan tatu ialah:-

عن عائشة تقول : " كان النبي صلى الله عليه وسلم ينهى عن الواشمة

والواصلة والمتواصلة والنامصة والمتنمصة "

(رواه احمد)

Maksudnya : Daripada Aisyah R.A berkata ; "Adalah Nabi s.a.w. melarang perbuatan perempuan yang bertatu, dan perempuan yang menyambung rambut dan perempuan yang meminta untuk disambungkan rambutnya, perempuan yang mencukur alis bulu keningnya dan perempuan yang minta dicukur alis bulu keningnya".

(Riwayat Ahmad)

Ketiga-tiga hadis di atas secara jelasnya menunjukkan bahawa Allah s.w.t. dan Nabi s.a.w. melaknat dan melarang membuat tatu dan orang yang meminta dibuat tatu pada badannya.

Dr. Yusuf al-Qardawi dalam kitabnya **al-Halal wa al-Haram fi al-Islam** mengatakan bahawa bertatu di badan adalah perbuatan yang dilaknat oleh Rasulullah s.a.w. dalam hadisnya iaitu:-

لعن رسول الله صلى الله عليه وسلم الواشمة والمستوشمة والواشرة

والمستوشرة

(رواه الطبراني)



Bermaksud : "Rasulullah s.a.w. melaknat perempuan yang mentatu dan minta ditatu, dan yang mengikir gigi dan yang minta dikikir giginya".

(Riwayat al-Thabrani)

FATWA NEGERI SELANGOR

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Bil. 2/2009 yang telah diadakan pada 12 Mei 2009 telah membuat keputusan bahawa:-

- i) Di dalam Islam hukum bertatu iaitu pembuat tatu dan orang yang meminta dibuat tatu adalah haram.
- ii) Orang yang telah bertatu wajib bertaubat dan menyesal serta menghilangkan dengan menggunakan kaedah teknologi yang sedia ada jika tidak mendatangkan sebarang kemudaratan. Walau bagaimanapun, sekiranya ia mendatangkan kemudaratan pada diri dan nyawa, maka ia boleh dibiarkan dan dimaafkan. Bagi orang yang bertatu dan tidak sempat menghilangkannya setelah meninggal dunia, maka tatu tersebut tidak wajib dihilangkan kerana ianya akan menyeksa mayat tersebut.
- iii) Pihak berkuasa yang meluluskan lesen membuka premis membuat tatu perlu mengenakan syarat iaitu pemilik dan pekerjaanya mestilah bukan beragama Islam di samping orang Islam dilarang sama sekali mencacah tatu di premis tersebut.

**SEKILAS...**

Pada keluaran At-Taqwa bil. 1/2009, wawancara ini menumpukan kepada perkembangan dan kemajuan Jabatan Mufti Negeri Selangor. Pada kali ini, wawancara akan **memfokus kepada prosedur pengeluaran fatwa serta isu murtad**. Ikuti wawancara yang telah dirakamkan.

**KETUA PENGARANG**

Bagaimanakah proses sesuatu Fatwa diputuskan?

DATO' MUFTI

Sesuatu isu yang hendak difatwakan perlu melalui beberapa peringkat menurut Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 Seksyen 48 (Tatacara Pembuatan Fatwa), antaranya:-

- * Kajian atau penyelidikan sesuatu isu perlu dijalankan dan kertas kerja disediakan.
- * Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa diadakan untuk membincangkan kajian yang telah dibuat dan keputusannya dikemukakan kepada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).
- * Selepas menimbang dengan teliti keputusan fatwa tersebut, MAIS membuat syor kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk mendapatkan perkenan Baginda.
- * Apabila fatwa itu telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan, MAIS hendaklah memproses pewartaan melalui Penasihat Undang-Undang Negeri sebelum diwartakan dan disiarkan.

“Apabila fatwa itu telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan, MAIS hendaklah memproses pewartaan melalui Penasihat Undang-Undang Negeri sebelum diwartakan dan disiarkan”.

Dato' Mufti Selangor

KETUA PENGARANG

Apakah peranan Jawatankuasa Fatwa dalam aspek penguatkuasaan Fatwa yang telah diwartakan?

DATO' MUFTI

Menurut Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 di bawah Seksyen 47 Kuasa Jawatankuasa Fatwa untuk menyediakan fatwa menyatakan bahawa Jawatankuasa Fatwa hendaklah, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan, dan bolehlah atas kehendaknya sendiri atau atas permintaan oleh mana-mana orang yang dibuat melalui surat yang dialamatkan kepada Mufti, menyediakan suatu fatwa atas apa-apa persoalan yang belum muktamad atau yang menimbulkan kontroversi berhubung dengan Hukum Syara'. Oleh itu, Jabatan ini hanya berperanan seperti apa yang telah diperuntukkan di bawah Seksyen 47 tersebut.

Manakala menurut Seksyen 53 pula, menyatakan bahawa jika mana-mana Mahkamah selain Mahkamah Syariah, apa-apa persoalan Hukum Syara' perlu diputuskan, Mahkamah itu boleh meminta pendapat Jawatankuasa Fatwa dan Mufti boleh memperakukan pendapat tersebut kepada Mahkamah.

**KETUA PENGARANG**

Berdasarkan kepada maklumat, siasatan, kajian dan pengalaman melakukan sesi penasihat, apakah faktor-faktor yang mendorong seseorang itu cuba untuk murtad?

**DATO' MUFTI**

Terdapat beberapa faktor, antaranya:-

- * Tidak faham tentang agama Islam yang sebenarnya, menyebabkan tidak ada minat dan tidak mengamalkan ajaran tersebut.
- * Dibesarkan dalam keluarga bukan Islam setelah berlaku kematian / perceraian di kalangan ibu bapa mereka.
- * Putus ikatan pertunangan dengan teman beragama Islam atau ingin berkahwin dengan mereka yang bukan beragama Islam.
- * Terdapat juga mereka yang telah dibaptiskan.
- * Menghadapi tekanan hidup di mana mereka tidak diterima oleh keluarga setelah masuk Islam dan tidak mendapat pengiktirafan di kalangan orang Islam (tersisih).

"HIDAYAH DICARI, AKHIRNYA DITEMUI JABATAN MUFTI MENJADI SAKSI"



Pengislaman Siti Aisyah Oormila
bt. Abdullah pada 3.4.2009

Pengislaman Judith bt. Frederick
pada 13.4.2009



Pengislaman Kong Wei Loon pada
5.5.2009



Pengislaman Nur Hidayah Balai
bt. Abdullah pada 5.5.2009



Pengislaman Nurhidayah
bt. Abdullah pada 17.6.2009



Pengislaman Nur Hawa
bt. Abdullah pada 10.7.2009






SUATU PENCARIAN BERMAKNA, BILA IKHTIAR MANUSIA BERTEMU NOKHTAH DENGAN KETENTUAN ALLAH...



1. Kisahnya bermula pada 12 Disember 2008, apabila Muhammad Arif bin Abdullah (seorang saudara muslim) datang ke Jabatan ini **membuat permohonan keluar Islam**. Beliau memeluk Islam pada 13 Jun 1994, kecewa ditinggalkan kekasihnya (India muslim) yang berjanji untuk berkahwin.

3. Beliau ingin keluar Islam kerana **kecewa tidak dapat mengahwini wanita beranak 2 yang kematian suami** kerana berlainan agama.



2. Kekecewaannya begitu jelas, hingga **sanggup membujang begitu lama**. Sebelum memeluk Islam, Muhammad Arif pernah berkahwin tetapi bercerai dan mempunyai seorang anak yang mengikut ibunya.

4. Melalui khidmat penasihat, **beliau telah menarik balik permohonannya untuk keluar Islam**. Disamping itu, kekasihnya telah mendapat hidayah Allah dan memeluk Islam di hadapan S.S. Dato' Hj. Abdul Majid b. Omar, Timbalan Mufti Selangor.



5. Akhirnya, mereka berdua berkahwin dan menjadi pasangan bahagia, diserikan dengan keletah 2 orang anak isterinya yang turut didaftarkan sebagai Islam.



6. Apa yang menakjubkan, ialah anak-anak tersebut bukan sahaja boleh mengucap, malah mampu membaca doa makan dan tidur dengan baik.



7. Semoga, mereka sekeluarga sentiasa **mendapat rahmat dan penjagaan daripada Allah s.w.t.** setiap masa.

"Allah menunjukkan kepada sesiapa yang mengikuti keredhaanNya jalan-jalan keselamatan dan mengeluarkan mereka daripada kegelapan (kufur) kepada cahaya (iman) dengan izinNya serta membimbing mereka ke jalan yang lurus (agama Islam)".

(Surah al-Maidah:16)



“Adakah Sah

Berkumur dan memasukkan air ke dalam hidung ketika mengambil wuduk dalam keadaan berpuasa?

Imam al-Bukhari di dalam sahihnya menyatakan hadis :-

إذا تَوَضَّأَ فَلْيَسْتَنْشِقْ بِمَنْخَرِهِ الْمَاءَ

“Apabila seseorang mengambil wuduk, maka hendaklah beristinsyaq (masuk air ke dalam hidung)”
– bermaksud “**tidak dibezakan di antara orang yang berpuasa dan tidak berpuasa**”, Fath al-Bari, 7/62.

Dr. Yusuf al-Qaradhawi menyebut bahawa ada di kalangan para salaf mengatakan ia **tidak membatalkan puasa tetapi perbuatan tersebut dilarang**.

Menelan air liur ketika berpuasa?

Menelan air liur di dalam mulut **tidak membatalkan puasa**. Ibn Qudamah mengatakan bahawa perkara ini agak sukar dielakkan sepertimana debu di jalan atau di lantai. Jika lidah yang mengandungi air liur terjulur keluar sebentar dan masuk kembali, ia tidak membatalkan puasa, oleh kerana pergerakan lidah dikira sebagai sebahagian daripada pergerakan mulut.

Menggosok gigi, miswak dan berkumur?

Tidak batal puasa kalau bersiwak, menggosok gigi atau berkumur **dengan syarat tidak menelan air tersebut**. Syeikh bin Baaz mengatakan boleh menggunakan ubat gigi, asalkan dapat mengelak daripada menelannya. Walau bagaimanapun, hukumnya **sunat** menggosok gigi sebelum gelincir matahari dan **makruh** selepas gelincir matahari.

Berpuasa di Hari Syak?

Mengikut pendapat yang kuat, **tidak harus berpuasa** di hari tersebut kecuali puasa qada' dan nazar. Bagi mereka yang sentiasa berpuasa pada hari Isnin dan Khamis, maka **harus** baginya berpuasa.

Berpuasa dan berhari raya mengikut negara Mekah dan negara yang berdekatan, kerana mereka nampak anak bulan?

Tidak harus ikut berpuasa di negara Mekah dan negara yang berdekatan, kecuali negara-negara tersebut berada dalam satu matla' dengan negara kita.



Puasa Jika ...”

Orang tua yang tidak boleh berpuasa kerana tua atau orang tidak terdaya berpuasa kerana sakit berpanjangan?

Harus berbuka puasa dan hendaklah memberi fidyah secupak beras bagi setiap hari yang ditinggalkan dan tidak dikenakan qada' ke atasnya.

Seorang yang dalam haid berniat puasa Ramadhan pada malam hari, pada kebiasaannya haid suci sebelum Subuh pada hari tersebut?

Sah niat sekiranya suci haid sebelum fajar.

Puasa seseorang yang syak niatnya di waktu malam?

Tidak sah puasanya kecuali dia teringat yang dia berniat puasa pada malam tersebut.

Puasa bagi orang yang tidak mandi hadas besar?

Sah puasanya.

Puasa bagi orang yang pitam?

Sah puasa **kecuali** pitam yang sepanjang hari iaitu daripada terbit fajar hingga terbenam matahari.

Mencabut gigi dan berbekam semasa berpuasa?

Hukumnya **makruh**.



“Adakah Sah

Seseorang yang meninggal dunia, puasanya sudah diqada' tetapi fidyahnya belum dibayar lagi. Adakah fidyahnya bertambah?

Fidyahnya **tidak bertambah**.

Seseorang yang terdengar azan Subuh ketika dia sedang bersahur, adakah sah puasanya?

Hendaklah berhenti makan serta-merta dan terus buang makanan yang ada di dalam mulut. Puasanya **sah**.

Orang berpuasa yang makan dengan terlupa, kemudian teringat kembali bahawa dia berpuasa?

Sah puasanya. Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud, “Sesiapa yang makan atau minum dengan keadaan terlupa, maka jangan berbuka puasa. Sesungguhnya itu adalah rezeki yang diberi oleh Allah s.w.t. kepadanya”.

Orang yang berpuasa menggunakan contact lens?

Sah puasanya.

Perempuan hamil berbuka puasa kerana takut menjejaskan kesihatan kandungannya?

Hukumnya **harus berbuka puasa**, tetapi dikenakan **qada'** dan **fidyah**.

Adakah kifarat bersetubuh itu dikenakan kepada suami dan isteri?

Tidak, kifarat bersetubuh dikenakan **ke atas suami sahaja**.



Puasa Jika ...”

Perempuan yang mengandung atau perempuan yang menyusukan anak membatalkan puasanya?

Harus membatalkan puasa tersebut dengan **2 sebab**, iaitu:-

- i. Kerana keuzuran dirinya sendiri.
- ii. Kerana menjaga kesihatan anak.

Keterangan:-

- i. Jika berbuka puasa kerana **menjaga kesihatan dirinya**, wajib qada' sahaja.
- ii. Jika berbuka puasa kerana mahu **menjaga kesihatan anak** bukan dirinya, wajib qada' dan fidyah **sekadar satu cupak beras untuk sehari**.
- iii. Jika berbuka puasa kerana **menjaga diri dan anak**, wajib qada' dan fidyah.

Apakah kifarat bersetubuh dengan sengaja pada bulan puasa?

Kifarat bersetubuh hendaklah **memerdekakan seorang hamba Islam yang sempurna daripada kecacatan, kalau tidak berkuasa hendaklah berpuasa 2 bulan berturut-turut, jika tidak berkuasa hendaklah beri makan kepada 60 orang miskin setiap seorang secupak. Cara membayar kifarat ini hendaklah mengikut tertib seperti di atas.**

Niat puasa Ramadhan?

Sebaik-baik niat adalah:

نَوَيْتُ صَوْمَ غَدٍ عَنْ أَدَاءِ قَرْضِ شَهْرِ رَمَضَانَ هَذِهِ السَّنَةِ لِلَّهِ تَعَالَى

“Sahaja aku berpuasa esok hari pada bulan Ramadhan tahun ini kerana Allah Taala”.

Mengikut **Mazhab Maliki**, boleh berniat pada malam pertama dengan berniat sebulan bulan Ramadhan, iaitu:

نَوَيْتُ صَوْمَ شَهْرِ رَمَضَانَ كُلِّهِ لِلَّهِ تَعَالَى


“Sahaja aku berpuasa untuk sebulan pada bulan Ramadhan kerana Allah Taala”.

Bagi puasa sunat, **harus berniat** pada siang hari sebelum tergelincir matahari.



EKSPEDISI GERHANA MATAHARI PENUH DI HANGZHOU, CHINA, 20 – 25/7/09 (5 minit 56 saat)


Gerhana matahari penuh berlaku pada **22 Julai 2009** (Rabu). "Bayang Bulan" mula menyentuh permukaan bumi di India Barat pada pukul 8:51 pagi (waktu Malaysia) "Bayang Bulan" meninggalkan bumi pada pukul 12:19 tengah hari (waktu Malaysia) yang mengambil masa selama 3 jam 28 minit.



Program Turun Padang
"Mufti Bersama Masyarakat"
diadakan pada hari Jumaat
di Masjid Daerah seluruh
Selangor.



3 Jun 2009, **kunjungan
hormat S.S. Dato' Mufti
Negeri Sembilan.**



2 Julai 2009, **Muzakarah
Pakar : Isu Murtad di
Bangunan Annex, Shah
Alam.**



7 Mei 2009, **Majlis Pecah
Tanah dan Penentuan
Arah Qiblat Balai Cerap
Selangor** oleh Y.A.B. Dato'
Menteri Besar Selangor.

BERITA HARIAN 4 OGOS 2009



Mohd Tamyas Abd Wahid

Talian perbetul kiblat dapat sambutan baik

SHAH ALAM: Jabatan Kerajaan dan syarikat swasta termasuk pengurusan hotel dan pusat beli-belah kini boleh memohon untuk menentukan arah kiblat yang betul di premis mereka secara dalam talian.

Kemudahan itu disediakan Jabatan Mufti Selangor menerusi Sistem Aplikasi Arah Kiblat Secara Dalam Talian yang membolehkan pemohon menghantar borang permohonan untuk menentukan arah kiblat bagi masjid dan surau dengan lebih mudah.

Sistem secara dalam talian itu adalah yang pertama diwujudkan di negara ini dan pemohon boleh mendapatkan borang hanya dengan melayari laman web www.muftiselangor.gov.my.

Mufti Selangor, Datuk Seri Mohd Tamyas Abd Wahid, berkata sistem aplikasi secara dalam talian itu yang diwujudkan sejak pertengahan tahun lalu mendapat sambutan baik dengan menerima kira-kira 30 permohonan sehari.

"Masih ramai yang tidak mengetahui mengenai kewujudan sistem ini kerana kami masih menerima permohonan secara bertulis."

"Dengan pelancaran sistem aplikasi secara dalam talian ini, kita menjangka permohonan yang diterima akan meningkat," katanya selepas majlis melancarkan secara rasmi sistem itu oleh Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim di sini, semalam.

Mohd Tamyas berkata, seramai sembilan kakitangan Jabatan Falak yang dipecahkan kepada tiga kumpulan ditugaskan menentukan arah kiblat di premis yang memohon dan khidmat itu disediakan secara percuma.

Beliau berkata, setiap permohonan yang diterima itu akan diselesaikan dalam tempoh 12 hari.



SELANGORKINI Online
Maklumat Telus Untuk Semua

Utama Berita Rencana Kenyataan Media Anti-ISA S'KiniTV Galeri Foto EXC

Jabatan Mufti Lancar Permohonan Arah Qiblat Online

Saturday, 01 August 2009 | Ruangan: Berita

SHAH ALAM, 1 Ogos - Jabatan Mufti Negeri Selangor hari ini, melancarkan secara rasmi sistem permohonan arah kiblat secara dalam talian atau on-line bagi memudahkan orang ramai mencari arah kiblat.

Mufti Selangor, Datuk Setia Mohd Tamyas Abdul Wahid berkata, permohonan secara dalam talian ini telah diperkenalkan sejak Jun tahun lalu secara percuma.

"Permohonan online diperkenalkan pada pertengahan tahun lepas dgn harapan lebih melicinkan lagi proses permohonan tadi, kita letakkan masa 12 hari dari tarikh terima surat sampaiah proses untuk menghantar pegawai pergi membuat arah kiblat dan sampai kita keluarkan sijil tidak lebih dari 12 hari masa yang ditetapkan oleh ISO," katanya.

Datuk Tamyas berkata, Selangor adalah negeri pertama melancarkan permohonan secara online ini dan dijangka lebih banyak permohonan diterima selepas ia dirasmikan Menteri Besar, Tan Sri Khalid Ibrahim, hari ini.

"Pada mulanya permohonan diterima daripada Masjid-masjid dan surau-surau tetapi kini ramai individu, primis-primis perniagaan dan hotel-hotel dan bangunan tertentu memberi sambutan yang baik," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis perasmian Konvensyen Falak Selangor 2009 kali ke-5, di Bangunan Sirim Berhad selama dua hari, bermula hari ini.

Konvensyen ini merupakan kesinambungan sejak ia diadakan pada 2005. Empat kertas kerja akan dibentangkan oleh pakar-pakar Falak Malaysia dan universiti tempatan -TV SELANGOR.

SELANGORKINI Online
Maklumat Telus Untuk Semua

Utama Berita Rencana Kenyataan Media Anti-ISA S'KiniTV Galeri Foto EXC

Wajib Pemaju Tunjuk Arah Qiblat

Saturday, 01 August 2009 | Ruangan: Berita

SHAH ALAM, 1 Ogos - Menteri besar Selangor hari ini mencadangkan agar pihak berkuasa tempatan (PBT) di negerinya memastikan pemaju menetapkan arah kiblat sebagai syarat tambahan bagi kelulusan pelan projek.

Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata pemaju perlu mendapatkan maklumat awal daripada Jabatan Mufti bagi memastikan kedudukan arah kiblat di kawasan pelan projek yang dibangunkan, lapor Bernama.

"Saya berharap melalui syarat ini semua pihak akan lebih prihatin dengan kedudukan kiblat yang menjadi perkara penting dalam ibadah umat Islam," beliau dipetik berkata ketika merasmikan Konvensyen Falak Selangor 2009 kali kelima di Shah Alam.

Tambahnya, pemaju juga diminta mendirikan replika petunjuk arah kiblat di taman-taman perumahan yang baru dibuka sebagai panduan kepada penduduk setempat.

Selain itu, beliau berkata petunjuk arah kiblat yang betul perlu diwujudkan di ruang solat setiap rumah, pejabat, premis perniagaan, hotel dan kawasan rehat di negeri itu.

Abdul Khalid berkata, masjid dan surau yang hendak dibina di negeri itu juga diminta mendapatkan nasihat Jabatan Mufti bagi memastikan kiblat yang betul.

"Terdapat beberapa kes yang arah kiblat di atas pelan tidak tepat dengan kedudukan sebenar di tapak pembinaan, jadi kita tidak mahu surau atau masjid yang dibina dengan nilai jutaan ringgit tetapi tidak tepat kedudukannya," katanya -TV SELANGOR.

STATISTIK PENENTUAN DAN PENGESAHAN ARAH QIBLAT (JANUARI – JULAI 2009)

BIL.	BULAN	SURAU		MASJID		TANAH KUBUR		PREMIS *						JUMLAH
		BARU	SEMAK SEMULA	BARU	SEMAK SEMULA	BARU	SEMAK SEMULA	(P)	(HT)	(P.B)	(H)	(S.M)	(R&R)	
1.	JANUARI	4			1		2	5		1		1		14
2.	FEBRUARI	7	4				2	7			1	1		22
3.	MAR	9	3		1	1	5		1			1		21
4.	APRIL	9	7											16
5.	MEI	11	3	1	1		2						1	19
6.	JUN	8	8		1		1							18
7.	JULAI	4	7	1	1		4	3						20
	JUMLAH	52	32	2	5	1	16	15	1	1	1	3	1	130

* PREMIS:- (P) PEJABAT (P.B) PUSAT MEMBELI BELAH (S.M) STESYEN MINYAK (HT) HOTEL (H) HOSPITAL (R&R) REHAT & RAWAT


STATISTIK PENENTUAN & PENGESAHAN ARAH QIBLAT (MENGIKUT DAERAH) TAHUN 2009

BIL.	DAERAH	(JAN – JUL 2009)
1.	Petaling	40
2.	Gombak	18
3.	Hulu Langat	20
4.	Sepang	11
5.	Klang	12
6.	Kuala Langat	9
7.	Sabak Bernam	7
8.	Kuala Selangor	8
9.	Hulu Selangor	5
	JUMLAH	130

**" ILMU FALAK : SUATU PENEROKAAN "**


**Konvensyen
F a l a k
Selangor 2009** telah
berlangsung pada 1-2
Ogos 2009, di Auditorium
Sirim Berhad, Shah Alam. Ia
telah dirasmikan oleh Y.A.B.
Dato' Menteri Besar Selangor dan
penangguhan disempurnakan
oleh Y.B. Dato' Dr. Hasan b.
Mohamed Ali. Sempena Konvensyen
tersebut, telah dilancarkan
**Sistem Aplikasi Permohonan
Arah Qiblat Secara "On-line"**.

Konvensyen ini bertujuan memupuk
minat masyarakat untuk
mengenalni bidang falak. Selain
itu, penerapan nilai-nilai murni
dan penghayatan mengenai
kebesaran Allah s.w.t.
melalui pameran,
cerapan dan
seminar.





3 April 2009
di Sekolah Menengah Hafiz, Klang



PAMERAN FALAK

18 April 2009
di Masjid Jamek Sultan
Abdul Aziz, P.J



**MESYUARAT AJK
FALAK SELANGOR**

17 Julai 2009
di Jabatan Mufti
Negeri Selangor



**F
A
L
A
K**

**TAKLIMAT
REPLIKA QIBLAT**

5 Mei 2009
di PAID Klang



**KONVENSYEN FALAK
PENANG 2009**

3-5 Julai 2009
di USM.



ISTIWA' ADZAM

28 Mei 2009
jam 5.16 ptg.
di Masjid Salak
Tinggi, Sepang



KURSUS FALAK

29-30 Jun 2009
di Masjid Negeri,
Shah Alam



DI SANA-SINI

**KUNJUNGAN CAW.
FALAK, JAKIM**

3 Jun 2009
di Jabatan Mufti
Negeri Selangor



**KONVENSYEN FALAK
WILAYAH**

27 Jun 2009 di Masjid
Al-Ghazali Bandar
Manjalara, Kepong



SEHARI BERSAMA FALAK

23 Jun 2009
di B. Hilal Bkt. Jugra, K. Langat



PROGRAM BULAN KEROHANIAN (SYA'BAN 1430H)

Jabatan ini menganjurkan Program Bulan Kerohanian sepanjang bulan **Sya'ban 1430H** mulai **23 Julai 2009 - 21 Ogos 2009**. Program tersebut telah dilancarkan oleh Y.B. Dato' Dr. Hasan b. Mohamed Ali pada 3 Ogos 2009. Ia bertujuan meningkatkan penghayatan dan penyuburan nilai-nilai murni dalam masyarakat.

HARI	HIJRI	MILADI	PENGISIAN BULAN KEROHANIAN
Kha	1	23	• Info Kerohanian di Selangor F.M.
	Sya'ban	Julai	• Seminar di Masjid Jamek Makmuriah, Sg. Besar
Jum	2	24	Khutbah Jumaat Khas "Aqidah Islam Dan Peranannya"
Sab	3	25	
Ahd	4	26	
Isn	5	27	Seminar di Dewan Sungai Terap, Tanjung Karang
Sel	6	28	
Rab	7	29	
Kha	8	30	Info Kerohanian di Selangor F.M.
Jum	9	31	
Sab	10	1 Ogos	Konvensyen Falak Selangor 2009
Ahd	11	2	Konvensyen Falak Selangor 2009
Isn	12	3	• Seminar Imam As-Syafie di Masjid Negeri & 'Pelancaran Program Bulan Kerohanian'
Sel	13	4	
Rab	14	5	Seminar di Masjid Jamek Ar-Rahimah, KKB
Kha	15	6	• Majlis Bacaan Yaasin (Nisfu Sya'ban) • Info Kerohanian di Selangor F.M. • Seminar di Masjid Jamek As-Solihin, Kanchong Darat
Jum	16	7	Program Turun Padang "Mufti Bersama Masyarakat" di Masjid Bt. 14, Puchong.
Sab	17	8	
Ahd	18	9	
Isn	19	10	
Sel	20	11	Seminar di Masjid Jamek Pekan Kajang
Rab	21	12	Seminar di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz, S. Alam
Kha	22	13	• Info Kerohanian di Selangor F.M. • Seminar Masjid Jamek Al-Amaniah, Batu Caves
Jum	23	14	Khutbah Jumaat Khas "Perkara-Perkara Yang Boleh Merosakkan Aqidah"
Sab	24	15	
Ahd	25	16	
Isn	26	17	Seminar di Masjid Diraja Sultan Suleiman, Klang
Sel	27	18	Seminar di Masjid Sultan Hishamuddin, Bandar Baru Salak Tinggi
Rab	28	19	Konvensyen Intergriti Pengurusan Zakat Neg. Selangor
Kha	29	20	• Info Kerohanian di Selangor F.M. • Majlis Cerapan Rasmi Hilal Ramadhan 1430H
Jum	30	21	

AGAMA MEGA

Apa Kata Peserta

"Saya tertarik dengan penjelasan tentang penetapan arah kiblat serta aktiviti mencerap anak bulan."

"Ternyata kedatangan saya kali pertama dalam seminar ini tidak sia-sia kerana banyak maklumat baru yang diperolehi."

"Jika dianjurkan lagi, saya pasti akan hadir," katanya.
- **BADARIAH ZAINAL**,
Guru Sek. Rendah Agama
Jeram Batu 20, Selangor.



"Seminar ini memberi pendedahan tentang ilmu falak terutama tentang penetapan kiblat dan tarikh puasa serta hari raya."

"Walaupun ini kali pertama saya menyertainya, ternyata ia memberi banyak manfaat untuk dikongsi bersama para pelajar selepas ini."

"Saya berharap seminar begini akan diadakan dari semasa ke semasa," katanya.
- **ZAKIAH ANUM SHAFIE**,
Guru Sek. Rendah Agama
Bandar Malawati, Kuala
Selangor.

"Seminar ini menyedarkan kita pentingnya membendung kegiatan ajaran sesat kerana ia amat merbahaya kepada umat Islam."

"Pada masa yang sama, saya dapat meningkatkan kefahaman tentang ilmu falak terutama kaedah menentukan kiblat dan tarikh puasa serta hari raya."

"Dengan maklumat ini, bolehlah saya berkongsi dengan ahli kariah yang lain," katanya.
- **HARUN ABD. RAHMAN**,
Nazir Masjid An-Nur, Saujana
Utama, Sungai Buloh, Selangor.






MEGA AGAMA

UTUSAN MALAYSIA • SELASA 4 OGOS 2009

Firman Allah SWT yang bermaksud: *Dan bahawa sesungguhnya inilah jalan-Ku (agama Islam: yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya dan janganlah kamu menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam) kerana jalan-jalan (lain) itu mencerai beraikan kamu dari jalan Allah...* (al-An'am: 153)



ABDUL Majid Omar (dua dari kiri) pada perasmian Seminar Bulan Kerohanian Syaaban 1430H di Sungai Terap, Tanjung Karang, Selangor, baru-baru ini.

Foto: JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR

Waspada dakyah ajaran sesat

Ragam & Pengajaran

Oleh MOHD. RADZI MOHD. ZIN

ISLAM ditegakkan atas lima asas utama iaitu mengasap syahadah, solat, puasa, zakat dan haji bagi yang berkemampuan.

Syahadah itu pula adalah perakuan mengesakan Allah sebagai yang layak disembah sekali gus menolak ilah atau tuhan-tuhan yang lain. Demikian juga perakuan bahawa sesungguhnya Nabi Muhammad SAW itu adalah pesuruh Allah.

Sebagai umat Islam, kita wajib mempertahankan agama daripada terjebak dalam sebarang bentuk kesesatan atau perbuatan yang membawa syirik.

Sebabnya, syirik adalah dosa yang tidak akan diampunkan oleh Allah SWT. Ini dijelaskan menerusi firman-Nya yang bermaksud: *Seungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa orang yang menyekutukannya dengan sesuatu (apa pun), dan akan mengampunkan dosa selain daripada syirik itu bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya (mengikut peraturan hukum-hukum-Nya) dan sesiapa yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu apa juga maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang jauh-jauhnya.* (an-Nisa': 116)

Persoalannya, ajaran-ajaran sesat ini adakalanya sukar dikenali dengan mata kasar. Biasanya, pada awal gerakannya ia berkelindung di belakang nama menuntut ilmu agama.

Ini menyebabkan, pengaruhnya bukan sahaja di kalangan mereka yang cetek ilmu tetapi juga di kalangan profesional waima yang berpengetahuan agama sekali pun.

Ajaran sesat adalah amalan atau ajaran yang dibawa oleh orang Islam atau bukan Islam yang mendakwa ia adalah ajaran Islam atau berdasarkan kepada ajaran Islam, sedangkan pada hakikatnya ajaran atau amalan yang dibawa itu bertentangan dengan ajaran Islam sebenar yang berdasarkan al-Quran dan sunnah serta bercanggah dengan akidah dan syariat Islam.

Di Malaysia, berbagai-bagai ajaran sesat telah muncul dan menular dalam masyarakat. Gejala ini boleh memesonkan akidah mereka yang terpengaruh hasil gerakan yang mencari peluang menghancurkan Islam.

"Gerakan ini ada yang dijalankan secara terang-terangan dan ada juga yang bergerak secara halus dan terselubung tanpa diisedari," kata Pegawai Hal Ehwal Islam (Penasihatkan Akidah) Jabatan Mufti Negeri Selangor, M. Daruddin Taib @ Hassan.

Menurut beliau, kebanyakan ajaran sesat ini muncul berpunca daripada pengaruh kebudayaan, adat, mencari kemasyhuran, kekayaan, bermoitif seks serta kepercayaan lama yang mengandungi unsur animisme dan dinamisme.

Katanya, ajaran sesat di Malaysia muncul pada abad ke-19 di Kampung Seronok, Pulau Pinang. Ia dikenali sebagai Ahmad Matahari.

ABD. LATIP Ibrahim membentangkan kertas kerjanya berkaitan penentuan kiblat.



Di Selangor, ajaran sesat yang mula bertapak adalah ajaran Ahmadiyah/Qadimi di Jeram, Kuala Selangor pada tahun 1930-an.

"Ajaran ini telah ditawaklan oleh para ulama seluruh dunia sebagai terkeluar daripada ajaran Islam," katanya. Beliau berkata demikian semasa membentangkan kertas kerja bertajuk *Asas dan Ajaran Sesat serta Gerakan Misionari terhadap Keharmonian dan Kesejahteraan Masyarakat* pada Seminar Bulan Kerohanian Syaaban 1430H di Sungai Terap, Tanjung Karang, minggu lalu.

Seminar anjuran Jabatan Mufti Negeri Selangor dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) itu turut disertai oleh kira-kira 100 peserta terdiri daripada para Nazir, pegawai masjid dan guru-guru agama.

Hadir sama ialah Timbalan Mufti Negeri Selangor, Datuk Abdul Majid Omar dan Pegawai Agama Daerah Kuala Selangor, Zainal Abidin Sulaiman.

Pegawai Bahagian Falak Jabatan Mufti Negeri Selangor, Abd. Latip Ibrahim pula membentangkan kertas kerja bertajuk *Penentuan Arah Kiblat dan Hari Raya*.

Daruddin berkata, ajaran sesat disebarikan melalui tiga cara iaitu pengajaran, melalui kumpulan tarekat dan melalui kepercayaan, amalan tradisi dan pemujaan.

Misionari Kristian

Kata beliau, penyelewengan kumpulan ini dalam aspek akidah adalah seperti mengaku diri sebagai rasul, Nabi Isa dan Imam Mahdi serta menafikan adanya qada dan qadar Allah.


"Penyelewengan dari sudut syariat pula dengan mendakwa solat hanya cukup dengan niat, zakat hanya memadai dengan membayarnya kepada ketua atau guru mereka sahaja dan tidak perlu menunaikan haji," jelasnya.

Setakat ini di Selangor, sebanyak 25 ajaran telah difatwa dan diwartakan sesat manakala 25 lagi sedang dalam penyelidikan.

Daruddin memberitahu, gerakan misionari Kristian juga sedang berusaha menyebarkan segala fahaman, pendidikan (Croyah dan kemajuan Barat ke negara umat Islam).

Perbincangan pertama mereka diadakan di Kaherah pada 4 April 1906 yang diketuai oleh Paderi Zoomer.

Fokus utama mereka adalah mengubah sistem masyarakat umat Islam dengan perubatan utama mencerangi Islam melalui pendidikan, politik, sistem kemasyarakatan dan hubungan kekeluargaan yang longgar.



Warga kerja Jabatan Mufti Negeri Selangor mengucapkan Selamat Menyambut Bulan Ramadhan Al-Mubarak kepada seluruh umat Islam di Negeri Selangor.

Semoga kedatangan bulan yang mulia ini akan dapat meningkatkan lagi mutu keimanan dan ketaqwaan kita kepada Allah s.w.t.

JADUAL WAKTU IMSAK DAN BERBUKA PUASA TAHUN 1430H/2009 BAGI NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

RAMADHAN 1430H (Ogos/September 2009)			ZON 1 Daerah Gombak, Petaling/Shah Alam, Hulu Selangor, Hulu Langat dan Sepang.		ZON 2 Daerah Klang, Kuala Langat, Kuala Selangor dan Sabak Bernam.	
Hari	Ramadhan	Ogos/Sept	Imsak	Berbuka	Imsak	Berbuka
Sabtu	*1	22 Ogos	5.43	7.24	5.45	7.26
Ahad	2	23	5.43	7.24	5.44	7.26
Isnin	3	24	5.42	7.24	5.44	7.26
Selasa	4	25	5.42	7.23	5.44	7.25
Rabu	5	26	5.42	7.23	5.44	7.25
Khamis	6	27	5.42	7.23	5.44	7.25
Jumaat	7	28	5.42	7.22	5.44	7.24
Sabtu	8	29	5.42	7.22	5.44	7.24
Ahad	9	30	5.42	7.21	5.44	7.23
Isnin	10	31	5.42	7.21	5.44	7.23
Selasa	11	1 Sept	5.42	7.21	5.44	7.23
Rabu	12	2	5.41	7.20	5.43	7.22
Khamis	13	3	5.41	7.20	5.43	7.22
Jumaat	14	4	5.41	7.19	5.43	7.21
Sabtu	15	5	5.41	7.19	5.43	7.21
Ahad	16	6	5.41	7.18	5.43	7.20
Isnin	17	7	5.41	7.18	5.43	7.20
Selasa	18	8	5.40	7.18	5.42	7.20
Rabu	19	9	5.40	7.17	5.42	7.19
Khamis	20	10	5.40	7.17	5.42	7.19
Jumaat	21	11	5.40	7.16	5.42	7.18
Sabtu	22	12	5.40	7.16	5.42	7.18
Ahad	23	13	5.40	7.15	5.41	7.17
Isnin	24	14	5.39	7.15	5.41	7.17
Selasa	25	15	5.39	7.14	5.41	7.16
Rabu	26	16	5.39	7.14	5.41	7.16
Khamis	27	17	5.39	7.13	5.41	7.15
Jumaat	28	18	5.38	7.13	5.40	7.15
Sabtu	**29	19	5.38	7.13	5.40	7.15
Ahad	30	20	5.38	7.12	5.40	7.14

Makluman:-

* Tertakluk kepada Pengisytiharan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Malaysia.

** Tarikh melihat anak bulan Syawal, tertakluk kepada Pengisytiharan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Malaysia.